


Mengimbau kembali perjalanan teater di Sabah



CATATAN
KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN
MOHD ARUS

UB 14.9.2019 15
TEATER di Sabah berkembang sejak sebelum kedatangan British lagi di negeri ini. Ini dapat dibuktikan berdasarkan kewujudan ritual yang berbentuk teater dan tari yang berlaku di seluruh daerah negeri Sabah kerana kebanyakan kaum etnik yang ada rata-rata mengamalkan budaya ritual dan animisme.

Teater tari adalah sebuah persembahan secara terus antara pelakon dan juga penonton. Teater sudah mula dipersembahkan oleh manusia sejak zaman prasejarah lagi.

Zaman Greek atau Yunani purba memperlihatkan keagungan teater yang merupakan kaitan terus dengan kepercayaan oleh sebab itu cerita teater Greek sangat menekan kepada unsur cerita yang mengangkat kehebatan Dewa atau Tuhan mereka.

Cerita yang dikarang oleh penulis teater Greek hingga hari ini masih dilakukan oleh pelakon profesional di Pentas Teater West End, London dan juga di Off Broadway New York. Selain daripada itu teater juga bermula dalam kalangan masyarakat Asli atau Asal kerana teater tidak boleh dipisahkan dengan mantera dan juga pergerakan berdasarkan kehendak kepercayaan yang rata-rata berunsur animisme.

Dalam masyarakat Asal



TOKOH: Bersama Nandra Hitong pelakon teater Sabah.

juga teater dilakukan untuk tujuan hiburan, meraikan keramaian atau majlis, ritual penyembahan alam ghaib serta meraikan aktiviti pertanian, perburuan serta menuai hasil aktiviti tersebut. Menurut Ghous Nasaruddin 1994, teater bermula daripada pergerakan yang mudah kepada tarian rakyat dan kemudiannya kepada teater istana bangsawan kompleks dan halus dan teater moden.

Teater berbentuk kebebasan pergerakan dan dialog, justeru teater dan tari terbahagi kepada tiga jenis; teater dan tari ritual, teater tari rakyat atau ritual dan teater tari moden.

Teater tari ritual berdasarkan kepada beberapa

amalan adat istiadat suku kaum seperti Lotud, Kima-ragang, Bongkie, Tatana, Rungus, Begahak, Subpan yang dipercayai bahawa ada roh ataupun semangat padi yang perlu dihormati sebagai menzhirkan rasa terima kasih ke atas peranan padi sebagai sumber makanan masyarakat ini.

Teater dan tarian yang mempunyai unsur mistik dan ritual antaranya tarian sumazau, sumayau, sayau, berasik mongig-gol, barunsai, mangalang, anjung berlabuh bubuh mangalai, mangunatip dan banyak lagi berdasarkan kumpulan etnik yang menduduki negeri Sabah.

Tarian tarian ini mempunyai pergerakan ada yang hampir sama dan ada juga yang berbeza pergerakan dalam tarian ini juga boleh dianggap sebagai unsur teater rakyat. Tarian rakyat bukan sahaja terdapat dalam kalangan masyarakat yang mengamalkan kepercayaan animisme bahkan terdapat juga kaum lain yang mengarabkan kepercayaan agama masing-masing kepada teater dan tarian ritual bagi memantapkan lagi permintaan mereka kepada kuasa mistik dan kuasa ghaib.

Walaubagaimanapun teater bangsawan di negeri Sabah tidak banyak untuk dibicarakan kerana teater bangsawan wujud disebabkan terdapatnya pemerintahan beraja atau sultan yang agak asing dari pada masyarakat melainkan kesultanan Brunei sebelum kedatangan British North Borneo.

Bangsawan adalah sejenis teater hiburan yang din-

aung oleh istana kerana sesebuah bangsawan memerlukan biaya yang besar serta pengurusan yang licin kerana setiap persembahan memerlukan persediaan serta logistik yang mantap. Oleh sebab itu kebanyakan pelakon filem era 60-an dan 70-an seperti Abdul-lah Chik, Muastafa Maarof, Mahmud June, Latifah Omar, Ahmad Nisfu dan ramai lagi adalah bermula daripada kumpulan bangsawan sama ada di Semenanjung mahupun di Singapura.

Merujuk kepada beberapa buah bangsawan yang pernah membuat pertunjukan di negeri Sabah adalah seperti kumpulan bangsawan Putih Lawak, Kasma Booty, Mak Minah dan Pak Alias (Jamal Sulai) sekitar tahun 50-an. Bangsawan hanya mementaskan cerita Panji yang kebanyakannya dipadankan daripada cerita dalam kitab Hindu Ramayana dan Mahabharata. Kebanyakan cerita bangsawan mengangkat sesebuah kerajaan pemerintahan beraja mahupun yang berlegar di dalam istana.

Walaubagaimanapun, pementasan teater mempunyai fungsi yang berbagai. Salah satu fungsi teater adalah propaganda, komunikasi dan berdakwah seperti yang berlaku di beberapa buah negara jiran seperti Indonesia di mana ketiga-tiga fungsi teater diamalkan sejak zaman pemerintahan beraja lagi. Sebagai contoh Sukarno, Hatta, Jose Rizal, Hamka adalah tokoh pejuang kemerdekaan Indonesia yang menggunakan khidmat pementasan teater untuk



ANAK SENI: Suhaimi Magi pelakon dan penari negeri Sabah.

menyampaikan suara hati mereka kepada rakyat.

Teater juga pernah digemblangkan untuk tujuan kemerdekaan negara Malaysia apabila kumpulan teater menyelitkan unsur-unsur memerangi penjajah Jepun dan Inggeris. Sebagai contoh Zaaba, Usman Awang, A. Samad Said, Shanon Ahmad, dan ramai lagi pujangga negara yang ditonjolkan oleh pementasan teater kepada rakyat.

Tidak ketinggalan juga di negeri Sabah, tokoh-tokoh pujangga seperti Jamdin Buyong, Murshidi Nambi dan Allahyarham Suhaibun Yusof menyampaikan mesaj penentangan mereka kepada penjajah melalui penulisan skrip mahupun pementasan teater bagi menuparkan semangat kemerdekaan secara langsung ataupun tidak langsung.

Dunia seni teater di negeri Sabah sekitar 60-an

dan 70-an dipengaruhi oleh guru-guru terutama sekali guru yang dihantar dari Semenanjung oleh pemerintah ketika itu bagi tujuan asimilasi politik. Sebahagian guru yang datang ke negeri Sabah juga mempunyai kemahiran pengarahan dan lakonan maka banyak kumpulan teater yang terdapat di sekolah ketika itu.

Walaubagaimanapun, negeri Sabah yang mempunyai pendidikan berorientasikan British juga tidak asing dalam pengetahuan teater moden atau drama. Maka kolaborasi antara guru Semenanjung dan juga pendidikan pengaruh British menyemarakkan lagi pertumbuhan teater di negeri ini.

Oleh sebab itu, pada awal tahun 70-an, teater berkembang melalui tokoh seperti Azizi Abdullah yang menghasilkan teater berjudul 'Seruan Damai',

Jamali Satari dengan pengarahan 'Pemakaman Kadok Besar', Marzuki Ali 'Kursi' dan Taat Alias 'Runtuhnya Tabir Besi' di mana kebanyakan teater tersebut telah dipertandingkan di peringkat negeri Sabah.

Di samping itu, tidak dinafikan juga tenaga guru-guru tempatan yang berkecimpung dalam arena sastera yang menghangatkan lagi senario teater tempatan ketika itu seperti Cikgu Ramli AR, Ghazali Ismail, Mat Kongo atau Muhammad Salleh, Ghazali Mat Rejab, Jamal Sulai, Datu Ruslan dan ramai lagi sekadar menyebut beberapa nama.

Seterusnya teater dan tarian di Sabah semakin berkembang apabila ramai daripada kalangan anak muda tempatan yang mendapat pendidikan dalam bidang tarian dan teater dari agensi kerajaan seperti Kementerian Belia dan Sukan setiap negeri, kolej swasta dan juga universiti tempatan.

Penari serta pengamal industri teater sekembalinya mereka ke negeri masing-masing kebanyakannya berkecimpung secara sepenuh masa dalam pentas teater dan tarian di



PENGGIAT: Datuk Raya pernah berlakon teater di negeri Sabah.

negeri masing-masing. Oleh sebab itu pada tahun 90-an banyak pementasan di negeri ini yang dipelopori oleh mereka yang mendapat latihan serta pendidikan akademik dari institusi tinggi negara seperti tokoh-tokoh teater Laliman Ahmad, Osman Nasröh, Musa Masran, Suhaimi Magi, Nandra Hitong, Datuk Raya Erom dari Universiti Sains Malaysia dan juga dari institusi pengajian tinggi yang lain.

Namun pada penghujung tahun 90-an universiti tempatan Universiti Malaysia Sabah berjaya mengeluarkan pelakon dan pengarah berwibawa yang kini banyak menjadi pengurus agensi budaya dan juga industri lakonan negara.

PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).